



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
DATUK BANDARSEBERANG PERAI

SEMPENA

MAJLIS PELANCARAN PELAN TINDAKAN *SEBERANG PERAI*
CIRCULAR ECONOMY

OLEH

YANG AMAT BERHORMAT TUAN CHOW KON YEOW
KETUA MENTERI PULAU PINANG

TARIKH / MASA / TEMPAT

02 OKTOBER 2021 (SABTU)
8.30 PAGI

DEWAN KENANGA MENARA MPSP
BANDAR PERDA

Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis

Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow
Ketua Menteri Pulau Pinang

Yang Dihormati WHIP Parti
Encik David Marshel a/l Pakianathan
Encik Ahmad Rizal bin Abd Hamid
Encik Muhamad Suzuki bin Ahmad

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis
Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Haji Baderul Amin bin Abdul Hamid
Pemangku Setiausaha Bandaraya
Majlis Bandaraya Seberang Perai

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan
Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berbahagia Datin Hajah Che Limah Binti Haji Ujang
Pengerusi PUSPANITA MBSP

Warga Kerja
Majlis Bandaraya Seberang Perai

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama bertemu dan berkumpul pada pagi ini dalam Majlis Pelancaran Pelan Tindakan *Seberang Perai Circular Economy 2021 – 2030*.

Saya mewakili seluruh warga kerja MBSP ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang yang sudi hadir secara virtual untuk menyaksikan Majlis membaharui ikrar kakitangan dan ikrar kualiti. Majlis membaharui ikrar diadakan setiap tahun, oleh semua warga kerja, diketuai oleh Pemangku Setiausaha Bandar Raya, sebagai pengakuan dan perjanjian taat setia kepada MBSP. Seterusnya saya memohon Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow untuk melancarkan Pelan Tindakan *Seberang Perai Circular Economy 2021-2030*.

Terima kasih juga kepada Yang Dihormati WHIP Parti dan Ahli-Ahli Majlis MBSP; Yang Berusaha Tuan Pemangku Setiausaha Bandaraya

MBSP; Ketua-Ketua Jabatan, Pegawai-Pegawai Kanan dan warga kerja MBSP yang telah menunjukkan komitmen yang tinggi dan atas usaha dan sokongan yang tidak berbelah bahagi terhadap Datuk Bandar dan MBSP.

Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

Saban tahun sebanyak 550,000 tan sampah akan dihantar ke Tapak Pelupusan Pulau Burung (TPPB) untuk dilupuskan. Jika pola ini berterusan, maka Seberang Perai akan menghadapi suatu krisis alam sekitar yang baharu pada tahun 2030 iaitu apabila tapak pelupusan sedia ada telah penuh dan tiada lagi lokasi yang sesuai untuk dijadikan sebagai tapak pelupusan. Kos pengurusan sisa juga akan meningkat 100% malahan mungkin tidak mampu ditampung dari hasil cukai yang dipungut.

Justeru, MBSP mengambil tindakan pro aktif dengan meneroka model ekonomi baharu iaitu *Circular Model* yang berpaksikan penggunaan semula produk dan bahan mentah serta mencegah pembaziran dan pelepasan yang merbahaya ke tanah, air dan udara. Dalam erti kata mudah, *Circular Model* menumpukan untuk *closing the loop* dan meningkatkan kecekapan penggunaan sumber (*resource efficiency*) dalam memaksimakan

penghasilan produk dan meminimalkan penghasilan sisa buangan. *Circular Model* ini dijangka dapat mengurangkan tekanan kepada tapak pelupusan Pulau Burung kerana bahan buangan dapat dimasukkan semula dalam kitaran bagi dijadikan produk yang baharu sekaligus mengurangkan kebergantungan terhadap bahan mentah.

Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, Ahli-Ahli Majlis, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

Pada 19 September 2020, Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang telah melancarkan *Seberang Perai Circular Economy Roadmap* yang seterusnya dijadikan panduan dalam menggubal Pelan Tindakan *Seberang Perai Circular Economy 2021 – 2030* yang akan dilancarkan pada hari ini. *Seberang Perai Circular Economy Roadmap* ini akan bertindak sebagai Kerangka Dasar bagi tempoh sepuluh (10) tahun akan datang dalam bidang Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembangunan Circular Economy.

Sehubungan dengan itu MBSP telah mengadakan Pelancaran Soal Selidik Pelaksanaan *Seberang Perai Circular Economy 2021-2030* pada 23 November 2020, untuk mendapat pandangan rakyat bidang yang perlu

diberi keutamaan. Hasil dari analisa soal selidik yang dibuat, Bidang Keberhasilan Utama (KRA), mengikut keutamaan menunjukkan 34% mencadangkan Kebergantungan Kepada Tapak Pelupusan perlu diberi tumpuan, diikuti dengan Pengurusan Sisa makanan 22%, Pengurusan Sisa Binaan dan Sisa Perobohan 15%, Kitar Semula dan Industri *Upcycle* 12%, tenaga yang boleh diperbaharui(RE) 7%, elektronik dan sisa merbahaya 5%, Plastik Sekali Guna (Single-Use Plastics) 3% dan pengurusan air dan air sisa sebanyak 2%.

Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, Ahli-Ahli Majlis, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

Pandangan yang diberikan oleh rakyat telah dianalisa dan diadakan beberapa kali sesi *brainstorming* melibatkan Ketua-Ketua Jabatan dan Ahli Majlis. Hasilnya *Seberang Perai Circular Economy 2021-2030* yang mengandungi lapan(8) Bidang Keberhasilan Utama (*Key Results Area – KRA*), serta 27 program dapat didokumenkan dan sedia untuk dilaksanakan. Matlamat utama Pelan Tindakan *Seberang Perai Circular Economy 2021-2030* dirangka adalah untuk menyediakan agenda berorientasikan masa hadapan untuk mencapai bandar yang lebih bersih dan lebih kompetitif dalam integrasi antara pemain ekonomi, penduduk,

pengguna, serta masyarakat setempat bagi mewujudkan peluang pekerjaan baharu dan bidang ekonomi baharu

Pelan Tindakan ini menjadi petunjuk yang jelas serta mempunyai pendekatan yang holistik dalam menghadapi cabaran baharu pada dekad yang akan datang. *Summary (8) Bidang Keberhasilan Utama (Key Results Area – KRA), 27 Programs, Seberang Perai Circular Economy 2021-2030*, dan KPI yang menjadi kayu ukur bagi menilai pencapaiannya adalah seperti berikut :-

I. Kebergantungan Kepada Tapak Pelupusan (*Landfill Reliance*)

- a. Pelaksanaan Dasar Pengurusan Sisa Yang Lestari (Sektor Industri).
- b. Pemulihan semula Tapak Pelupusan Pulau Burung Fasa 1 untuk proses pengekstrakan gas, penghasilan solar, pengeluaran biogas & lain-lain.
- c. menyediakan pusat pemprosesan dan rawatan sisa pepejal di Stesyen Pemindahan Ampang Jajar.

II. Kitar Semula Dan Industri *Upcycle (Recycling and Upcycling Industry)*

- a. Pelaksanaan Dasar Pengurusan Sisa Yang Lestari (Pusat

Kitar Semula komuniti dan Kilang).

- b. Pelaksanaan Program "*Match-Making*" menggunakan sisa pepejal sebagai bahan mentah.
- c. Melaksanakan Program "*Trash For Cash*".
- d. Meningkatkan penggunaan Pusat Kitar Semula di kawasan pembangunan strata.

III. Sisa Makanan & Organik (*Food and Organic Waste*)

- a. Pengasingan sisa makanan.
- b. Menyediakan pusat pemprosesan dan rawatan sisa makanan dan organik.
- c. Program Pendidikan mengenai pengkomposan sisa makanan dan organik.
- d. Kerjasama antara Syarikat Swasta untuk pemprosesan makanan dan sisa organik.
- e. Penanaman pokok hutan.

IV. Plastik Sekali Guna (*Single Use Plastics*)

- a. Pelaksanaan tanggungjawab pengeluar lanjutan (EPR).
- b. Kempen Pendidikan plastik sekali guna.

V. Sisa Binaan & Perobohan (*Construction and Demolition Waste*)

- a. Garis panduan untuk kemudahan pemprosesan sisa binaan.

- b. Garis panduan penggunaan semula sisa binaan untuk pembangunan baru.
- c. Menyediakan pusat pemrosesan sisa binaan.

VI. Elektronik dan Sisa Merbahaya (*Electronics and Hazardous Wastes*)

- a. Menyediakan pusat pengumpulan sisa elektronik (*e-Waste*).
- b. Mengadakan Kerjasama pemrosesan sisa elektronik.
- c. Pelaksanaan tanggungjawab social korporat (CSR).
- d. Pelaksanaan tanggungjawab pengeluar lanjutan (EPR).

VII. Tenaga yang boleh diperbaharui (*Renewable Energy*)

- a. Garis panduan projek biogas di dalam sistem ladang tertutup.
- b. Menjana elektrik menggunakan tenaga kinetik.
- c. Loji *Waste to Energy* dibangunkan di Stesen Pemindahan Ampang Jajar.

VIII. Air dan Pengurusan Sisa Air (*Water and Waste Water Management*)

- a. Sistem penuaian air hujan (SPAHS).
- b. Pusat rawatan air larut resap di Ampang Jajar.
- c. Kolam tadahan air bawah tanah.

Setiap KRA ini telah ditetapkan KPI yang perlu dicapai mengikut tahun. Pada Tahun 2022, disasarkan 70% kadar kitar semula, 5% penggunaan tenaga boleh diperbaharui(RE), mewujudkan pusat pemprosesan sisa binaan dan mewujudkan Dasar *Extended Producer Responsibility* (EPR) di Seberang Perai.

Pada tahun 2025 pula, disasarkan 75% kadar kitar semula, 50% pelencongan sisa makanan, 40% pengurangan kebergantungan kepada tapak pelupusan, 20% penggunaan tenaga boleh diperbaharui(RE) dan pelaksanaan Dasar *Extended Producer Responsibility* (EPR) di Seberang Perai. Manakala pada tahun 2030 pula, disasarkan 80% kadar kitar semula, 90% pelencongan sisa makanan, 30% Penggunaan tenaga boleh diperbaharui(RE), mewujudkan *system waste to energy* dan mencapai status Bandaraya Sisa Sifar (*Net Zero Waste City*).

Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

MBSP telah ke hadapan dalam usaha mengurangkan penghasilan jejak karbon. Sukacita saya ingin mengisytiharkan satu rekod yang membanggakan, iaitu penduduk Seberang Perai telah berjaya

mengurangkan penghasilan gas rumah hijau (*Green House Gases – GHG*) dari 8-ton CO₂e pada tahun 2017 kepada 6.31-ton CO₂e atau 21% pengurangan penghasilan karbon pada tahun 2020. Manakala kadar kitar semula pada tahun 2020 telah mencapai 55.91% yang merupakan kadar pencapaian tertinggi di Malaysia.

Terima kasih sekali lagi kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Ahli-Ahli Majlis, Jabatan-Jabatan dan Agensi-Agensi, Tuan Setiausaha Bandaraya, Ketua-Ketua Jabatan, Pegawai-Pegawai Kanan, warga kerja MBSP dan seluruh warga Seberang Perai dalam memberikan komitmen penuh dalam menjayakan program-program MBSP, dasar-dasar baru MBSP dan Hala Tuju MBSP dan saya pasti dengan komitmen ini, **“Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan”** atau **“Seberang Perai *Aspiring City of Tomorrow*”** dapat direalisasikan pada tahun 2022.

Sekian,

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih, Xie Xie, Nandri, Thank You.

